

Dr Mahathir nasihatkan negeri-negeri jangan berlumba

BH 16 AUG 1985

KEMAMAN, Khamis — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, kerajaan akan menyelaraskan semua projek pembangunan, khasnya pembangunan industri dan infrastruktur di seluruh negara bagi mengelakkan pembaziran wang.

Katanya, pembaziran akan berlaku dan negara akan rugi sekiranya kerajaan-kerajaan negeri berlumba-lumba melaksanakan projek perindustrian.

"Kita tidak mahu berlakunya pembaziran wang semata-mata kerana sesebuah kerajaan negeri itu ingin berbangga dengan sesuatu," katanya sewaktu merasmikan Lapangan Terbang Kerteh, berharga \$75 juta kira-kira 40 kilometer dari sini, hari ini.

Katanya sikap berlumba-lumba itu adalah baik, tetapi jangan sampai kepada tahap tidak mengambil kira pembangunan yang sudah ada di negeri-negeri lain.

Kerajaan, tambahnya, tidak mahu sesuatu pembangunan itu menguntungkan sese-

Oleh NORDIN MOHAMAD

buah negeri sahaja, sebaliknya biarlah seluruh negara.

Beliau menegaskan perlunya projek-projek industri di negeri-negeri diselaraskan supaya manfaat dan kemudahannya dapat dinikmati oleh seluruh negara.

Perlu diselaraskan

Sebagai contoh, katanya, bekalan barang-barang gantian yang diimport boleh diselaraskan antara negeri-negeri kerana ini lebih menguntungkan.

"Ada industri umpamanya yang membekalkan barangan untuk seluruh negara, jadi tidak mungkin ia menumpukan kepada sesebuah negeri saja. Bagaimanapun, banyak negeri yang ingin mengadakan industri-industri seperti ini tanpa mengambil kira soal

bekalan dan permintaannya," ujarnya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, mungkin dengan minat yang ditunjukkan itu, kita mewujudkan kemudahan yang berlebihan daripada keperluan negara, dengan itu jadilah pembaziran tenaga, wang ringgit, usaha dan sebagainya.

"Sebab itulah Kerajaan Pusat sekarang ini cuba menyelaraskan segala pembangunan, khasnya pembangunan industri dan infrastruktur di negeri-negeri seluruh negara," jelasnya.

Perdana Menteri yakin Menteri-menteri Besar dan Ketua Menteri tidak akan membazirkan wang yang sedikit semata-mata ingin berbangga dengan sesuatu.

Perdana Menteri bersama Datin Seri Dr Siti Hasmah kemudian melawat Dermaga Timur dan Kilang Besi Waja 'PERWAJA', di Tanjung Berhala, lapan kilometer dari sini, diiringi oleh Menteri Besar, Datuk Haji Wan Mokhtur Ahmad, isterinya Datuk Hajah Aishahton Suhaimi dan pegawai kanan kerajaan negeri.